

## PANDUAN PUASA BAGI PETUGAS KESIHATAN

- 1) Ibadah Puasa wajib dilaksanakan oleh setiap orang Islam yang telah baligh, berakal, berupaya berpuasa, bermukim dan suci daripada darah haid dan nifas. Bagi mereka yang berada dalam musafir dan sakit, mereka diharuskan untuk tidak berpuasa sebagaimana dinyatakan dalam surah al-Baqarah, ayat 184.
- 2) Bagi petugas barisan hadapan yang terlibat merawat dan menangani penularan penyakit Covid-19, mereka hendaklah melaksanakan kewajipan berpuasa seperti biasa. Namun, sekiranya dengan berpuasa akan membuatkan mereka lemah dan tidak mampu untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai petugas kesihatan dan keselamatan dengan baik, maka mereka juga diharuskan untuk berbuka puasa dan menggantikan puasa tersebut mengikut bilangan hari yang ditinggalkan pada bulan-bulan lain. Namun ulama' menggariskan beberapa peraturan di dalam pelaksanaan ibadat berpuasa bagi petugas barisan hadapan.
- 3) Di dalam kitab l'anatut Thalibin, Syaikh Abu Bakr bin Muhammad Syatha' menukilkan fatwa imam Adzra'i tentang kewajipan niat puasa pada malam hari bulan Ramadan bagi pekerja berat, berpuasa di siang hari sehinggalah ia tidak lagi mampu untuk meneruskan ibadah puasanya.

وأفتى الأذرعى بأنه يلزم الحصادين – أي ونحوهم – تبييت النية كل ليلة،

ثم من لحقه منهم مشقة شديدة – أفطر، وإلا فلا

“Imam al-Adzhra'i berfatwa bahwa wajib bagi para petani dan yang seumpama dengan mereka, berniat di setiap malam, kemudian apabila pada siang hari ketika berpuasa mengalami kesulitan yang berat, ia boleh berbuka puasa. Namun apabila tidak mengalami kesulitan, maka wajib puasa.”

- 4) Dr. Wahbah al-Zuhaili dalam al-Fiqh al-Islami menukilkan pendapat Abu Bakar al-Ajurri: Orang yang bekerja berat ialah orang yang mempunyai pekerjaan yang berat. Jika dia bimbang berlaku kebinasaan dengan sebab puasa, maka dia boleh berbuka dan melakukan

qadha' jika seandainya pekerjaan tersebut mendatangkan kemudharatan sekiranya ditinggalkan. Jika meninggalkan pekerjaan itu tidak membawa sebarang kemudharatan, dia berdosa kerana berbuka. Jumhur fuqaha menetapkan bahawa wajib ke atas pekerja yang melakukan kerja berat bersahur dan juga berniat puasa. Jika berlaku sebarang keuzuran atau lapar yang amat sangat dan dibimbangi berlaku kemudharatan, harus baginya berbuka puasa dan melakukan qadha'. Jika sekiranya kemudharatan pasti berlaku dengan sebab puasa, maka wajib ke atasnya berbuka.

- 5) Syekh Muhammad Nawawi Al-Bantani di dalam kitab Nihayatuz Zain fi Irsyadin Mubtadi'in menukilkan sebagai berikut.

فللمريض ثلاثة أحوال إن توهم ضررا يبيح التيمم كره له الصوم وجزأ له الفطر وإن تحقق الضرر المذكور أو غلب على ظنه أو انتهى به العذر إلى الهلاك أو ذهب منفعة عضو حرم الصوم ووجب الفطر وإن كان المرض خفيفا بحيث لا يتوهم فيه ضررا يبيح التيمم حرم الفطر ووجب الصوم ما لم يخف الزيادة وكالمريض الحصادون والملاحون والفعلة ونحوهم

“Ulama membahagikan tiga kategori orang sakit. Pertama, penyakit yang dijangka membolehkannya tayammum, maka pesakit makruh untuk berpuasa. Ia dibolehkan untuk tidak berpuasa. Kedua, jika penyakit itu benar-benar terjadi, atau kuat jangkakan, menyebabkannya kehilangan nyawa atau menyebabkan disfungsi salah satu organ tubuhnya, maka pesakit haram berpuasa. Ia wajib membatalkan puasanya. Ketiga, kalau sakit ringan yang sekiranya tidak sampai keadaan yang membolehkannya tayammum, pesakit haram membatalkan puasanya dan wajib berpuasa sejauhmana ia tidak risau penyakitnya bertambah parah. **Sama status hukumnya dengan pesakit pekerja-pekerja seperti buruh tani, , buruh kasar, dan profesion-profesion lain.**

## PANDUAN BERPUASA BAGI PETUGAS BARISAN HADAPAN (FRONTLINERS)

- 6) Berikut adalah panduan berpuasa yang perlu diberikan perhatian oleh para petugas barisan hadapan (frontliners) yang terlibat dalam menangani kes Covid-19;
- (i) Berniat melaksanakan ibadah puasa pada malam hari atau ketika bersahur.
  - (ii) Melaksanakan puasa sebagaimana biasa mengikut kadar kemampuan.
  - (iii) Diharuskan berbuka puasa apabila **tidak mampu** melaksanakan puasa sepanjang hari tersebut atau dikhuatiri sekiranya meneruskan ibadah puasa akan menjejaskan fokus dan kemampuannya untuk merawat pesakit.
  - (iv) Tidak menyebarkan kepada umum bahawa mereka tidak berpuasa di siang hari.
  - (v) Hendaklah menghormati bulan puasa dengan mengelakkan perbuatan makan di tempat awam dan terbuka.
  - (vi) Wajib menggantikan ibadah puasa mengikut bilangan hari yang ditinggalkan selepas berakhir bulan Ramadan.

Disediakan oleh :

Jabatan Mufti Negeri Perak